

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Di sekitar tahun 1980-an beberapa perubahan dan perkembangan sistem pendidikan telah berlaku. Antara perubahan yang paling besar dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ialah memperkenalkan kurikulum baru. Perubahan yang berlaku ialah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSR dimulakan pada tahun 1982 di 305 buah sekolah dan seterusnya pada tahun berikutnya dijalankan secara menyeluruh. Hasil daripada kejayaan pelaksanaan sistem tersebut, murid-murid berpeluang pula mengikuti pengajian di sekolah menengah dengan menggunakan KBSM pada tahun 1988. Pelaksanaan sepenuhnya sistem tersebut ialah pada tahun 1989 ( Mohd Salleh , 1996).

Kurikulum yang baru ini menitikberatkan soal moral dan akhlak pelajar. Kurikulum ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh

semua pelajar dan mata pelajaran elektif yang menjadi pilihan pelajar mengikut minat dan kebolehan mereka.

Bagi mata pelajaran teras, pelajar yang beragama Islam wajib mempelajari dan mengambil peperiksaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan bagi pelajar yang bukan Islam diwajibkan mempelajari dan mengambil peperiksaan Pendidikan Moral.

Secara umumnya, Pendidikan Islam adalah suatu proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan roh manusia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Hadis, bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdiikan diri kepada Allah. Proses pendidikan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada pengikut-pengikutnya adalah berasaskan nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Pendidikan Islam itu bermula melalui tiruan dan indoktrinasi iaitu kanak-kanak itu mengikut gelagat ibubapanya atau mereka yang lebih tua ( Azman , 1986 ). Ibu bapa yang membaca al-Quran , bersembahyang, berpuasa dan melakukan ibadat lain boleh mempengaruhi pemikiran anak-anak mereka. Sekiranya kanak-kanak itu tidak terpengaruh, mereka harus didorong untuk mempelajarinya ( Azman , 1986 ).

Oleh itu pengajaran dalam Pendidikan Islam membawa manusia mengenali dan bersyukur terhadap kekuasaan Allah S.W.T. Mata pelajaran Pendidikan Islam penting untuk melahirkan manusia yang beriman kepada Allah. Zawawi ( 1998 ) berpendapat

Pendidikan Islam juga boleh di anggap suatu gagasan konsep yang mengandungi langkah-langkah dan kaedah-kaedah ilmiah yang tersendiri yang dibawa oleh Islam bagi menjamin pembentukan peribadi anak-anak yang sesuai dengan aqidah Islam.

Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia dikatakan bermula selari dengan pemelukuan Agama Islam oleh penduduk tempatan. Ini kerana kedatangan Islam merupakan titik peralihan rantau ini yang mengubah kepercayaan orang Melayu daripada menyembah cakerawala dan patung kepada menyembah Allah Maha Esa ( Mahayudin, 1998 ). Usaha untuk menyebarluaskan Agama Islam di kalangan penduduk tempatan telah dilakukan oleh saudagar Islam yang datang berdagang di rantau ini.

Abdullah ( 1990 ) menyatakan bahawa perkembangan Pendidikan Islam melalui empat peringkat iaitu melalui sistem belajar di rumah guru, sistem belajar di pondok, sistem belajar di Madrasah dan melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan. Perkembangan Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung dalam Laporan Razak ( 1956 ), Laporan Rahman Talib ( 1961 ) dan Akta Pelajaran 1961 .

Kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah dibentuk berdasarkan keperluan dan matlamat untuk memberi pengetahuan Agama Islam kepada pelajar. Pada tahun 1962, mata pelajaran Agama Islam telah dimasukkan dalam jadual rasmi persekolahan dengan peruntukan masa 120 minit seminggu.

Pelbagai pindaan telah dilakukan supaya kurikulum Pendidikan Islam dapat memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Islam. Antaranya kurikulum Pendidikan Islam telah dipinda yang melibatkan pertambahan masa belajar di sekolah , bidang yang dipelajari serta diwajibkan amali solat. Masa belajar dari 120 minit ditambah menjadi 240 minit. Kurikulum pula dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Tilawah Al-Quran dan Ulum Syariah.

Di bawah Tilawah Al-Quran terdapat ayat-ayat untuk kefahaman dan hafazan, manakala bagi Ulum Syariah pula dibahagikan kepada empat bahagian iaitu aqidah, ibadah, sifat dan cara hidup Islam serta tamadun Islam. Dalam peperiksaan pula, pelajar diwajibkan menjalani Ujian Amalan untuk peperiksaan Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) dan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) bagi pelajar yang menduduki peperiksan UPSR bagi sekolah rendah, PMR dan SPM bagi pelajar sekolah menengah ( Bahagian Pendidikan Islam ,1993 ).

Oleh itu pada tahun 1995, Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) telah dijalankan ( Bahagian Pendidikan Islam, 1993 ). Penilaian PAFA ini adalah bertujuan untuk membimbing dan memastikan tiap pelajar faham dan dapat mengamalkan dengan betul dan sempurna perkara-perkara yang ditetapkan dalam PAFA iaitu perkara asas yang wajib diketahui dan diamalkan oleh setiap orang yang mengaku dirinya beragama Islam. Penilaian PAFA ini menuju ke arah mengukuhkan lagi penghayatan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam melalui gabungan tenaga pelbagai peringkat iaitu peringkat kementerian, negeri, daerah dan sekolah. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah membuat

keputusan supaya prestasi pelajar dalam bidang PAFA dilaporkan dalam keputusan peperiksaan. Ini juga merupakan satu cara untuk membantu meningkatkan penghayatan perkara-perkara asas dalam Pendidikan Islam. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran PAFA bukan setakat menentukan sahnya sesuatu amalan dan murid lulus dalam penilaian PAFA tetapi jauh dari itu, pengajaran dan pembelajaran PAFA sewajarnya dapat meniupkan keinginan yang tinggi menghayati amalan dan akhlak Islam dalam kehidupan seharian.

Oleh itu bagi menentukan keberkesanan penilaian PAFA, pengajaran dan pembelajaran PAFA mestilah hidup, bertenaga dan merangsangkan minat, bukan yang kaku, rigid dan rutin. Faktor-faktor berikut adalah perlu bagi menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran :

- i. Mempunyai ilmu yang mantap dalam perkara yang hendak diajar.
- ii. Menggunakan kepelbagai teknik dan kaedah pengajaran.
- iii. Ketabahan menghadapi situasi dan peringkat keupayaan murid.
- iv. Kesediaan membimbang murid dengan kasih sayang pada setiap masa .

( Kementerian Pendidikan, 1995 )

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pencapaian pelajar dalam peperiksaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam didapati lemah. Keputusan peperiksaan awam menunjukkan pelajar tidak berminat untuk

mempelajari Pendidikan Islam. Sebelum KBSM diperkenalkan pada tahun 1989, mata pelajaran Agama Islam wajib dipelajari oleh semua pelajar Islam tetapi tidak diwajibkan mengambil peperiksaan mata pelajaran tersebut. Ini dapat dilihat dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ) pada tahun 1976, daripada 113,686 calon di kalangan aliran Melayu hanya 68,122 calon sahaja yang mengambil mata pelajaran Agama Islam, manakala 40,000 lagi tidak mengambilnya. Ini menyebabkan matlamat Pendidikan Islam tidak dapat dicapai dan dihayati sepenuhnya oleh pelajar ( Haron dan Sobri, 1998 ).

Oleh itu satu jawatankuasa mengkaji mata pelajaran Agama Islam telah dilantik pada tahun 1974. Hasil kajian oleh Jawatankuasa ini telah dilaporkan dalam Laporan Kabinet ( 1979 ), Bab V yang menegaskan :

*Memandangkan pentingnya mata pelajaran Agama Islam , maka semua murid Islam bukan sahaja mesti mengikuti mata pelajaran ini, tetapi hendaklah diwajibkan mengambilnya dalam peperiksaan.*

( hal : 71 )

Seterusnya laporan ini menyebut :

*Untuk meninggikan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Agama Islam, adalah diperakukan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini diberi latihan iktisas yang cukup seterusnya tugas-tugas penyeliaan juga perlu.*

( hal : 71 )

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Agama Islam. Namun masih ramai pelajar yang tidak berminat dengan mata pelajaran ini.

Ini dapat dilihat melalui dapatan yang ditunjukkan oleh Persatuan Mahasiswa Terengganu, Universiti Malaya ( 1977 ) yang mengkaji tentang minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di sepuluh buah sekolah di Terengganu. Dapatkan kajian menunjukkan mata pelajaran Pendidikan Islam menduduki tangga ketiga daripada senarai mata pelajaran yang diminati oleh pelajar dengan 16.8 peratus.

Ini dapat dilihat berdasarkan analisis keputusan peperiksaan yang menunjukkan peratusan yang rendah. Minat dan sikap mempengaruhi pelajar untuk menguasai sesuatu mata pelajaran tertentu. Antaranya analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ) 1973 hingga 1979 menunjukkan peratus kejayaan adalah rendah. Begitu juga peratusan kejayaan di sekitar tahun 1980-an agak rendah.

Satu kajian oleh Che Basar ( 1986 ) menunjukkan 5 peratus pelajar kurang bersetuju dengan cara penyampaian guru Pendidikan Islam yang tidak dipelbagaikan serta kurang memandu pelajar mengenai cara-cara untuk menjawab soalan dengan betul.

Sehubungan dengan ini, satu kenyataan telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ( Berita Harian, 22 April 1992 ) bahawa satu kajian semula akan diadakan terhadap Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan Menengah

untuk disesuaikan dengan keadaan masa kini. Langkah ini adalah untuk meningkatkan mutu Pendidikan Islam selain daripada menarik minat pelajar. Kementerian juga tidak berpuashati dengan pencapaian Pendidikan Islam di sekolah kerana tidak memenuhi matlamat yang telah digariskan ( Nik Rosila, 1997 ).

Antara perubahan yang telah dibuat ialah memperkenalkan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) pada tahun 1995. Kandungan Perkara Asas Fardu Ain adalah yang paling minimum daripada Pendidikan Islam yang hendak dipastikan agar tiap-tiap pelajar memahami dan boleh mengamalkannya ( Kementerian Pendidikan, 1995 ).

Kementerian Pendidikan juga telah membuat keputusan supaya prestasi pelajar dalam bidang PAFA dilaporkan dalam keputusan peperiksaan. Ini juga merupakan satu cara untuk membantu meningkatkan penghayatan Perkara Asas Fardu Ain dalam Pendidikan Islam. Ia juga diharapkan dapat mengukuhkan ilmu di dada dan dapat diamalkan dengan sempurna bagi melahirkan insan yang beriman dan bertaqwa di kalangan setiap pelajar.

Oleh itu setelah lima tahun pelajar diwajibkan menjalani Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) adalah wajar satu kajian dijalankan untuk melihat hubungkaitannya dengan pencapaian pelajar. Kajian juga ingin melihat sikap dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam dan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain. Sikap terhadap mata pelajaran yang diambil akan mempengaruhi minat dan usaha ke arah kejayaan akademik

(Suradi,1987). Minat terhadap sesuatu mata pelajaran pula akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar tingkatan empat terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ). Persepsi yang ingin dikaji meliputi dua aspek iaitu tanggapan pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dan perasaan pelajar terhadap penilaian tersebut .

Tanggapan pelajar tentang Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dilihat dari tiga sudut :

1. Penting atau tidak Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ).
2. Sama ada PAFA dapat membantu mendapatkan gred yang baik dalam Penilaian Menengah Rendah.
3. Berguna atau tidak PAFA dalam meningkatkan penghayatan Islam.

Perasaan pelajar terhadap Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) pula dilihat dari tiga aspek iaitu :

1. Faham atau tidak pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain.
2. Penting atau tidak amalan ibadat sehari-hari dalam menjawab PAFA.

3. Penting atau tidak PAFA dalam mendisiplin dan membentuk akhlak .

Selain itu kajian ini ingin melihat hubungan persepsi pelajar terhadap ujian PAFA dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan beberapa variabel iaitu dari segi :

1. Pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR ).
2. Peranan guru mata pelajaran Pendidikan Islam.
3. Peranan ibu bapa.

#### **1.4. Soalan Kajian**

Kajian dijalankan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut :

1. Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) ?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dengan pekerjaan bapa atau penjaga pelajar ?

4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian dalam Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) ?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa dengan pencapaian dalam Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) ?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dengan pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) mengikut jantina ?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Daripada hasil kajian, pengkaji mendapati ia amat berguna kepada :

1. Penggubal Kurikulum.

Hasil kajian ini dapat membantu penggubal kurikulum dalam menentukan corak kurikulum yang lebih menekankan Pendidikan Islam pada generasi akan datang. Pihak Pusat Perkembangan Kurikulum ( PPK ) juga dapat mengenalpasti kelemahan yang mungkin wujud dalam melaksanakan Ujian Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dan seterusnya dalam Pendidikan Agama Islam dari peringkat bawah lagi. Oleh itu perlu dilaksanakan beberapa langkah yang tertentu untuk memperbaikinya.

## 2. Bahagian Buku Teks dan Penulis buku.

Kajian ini dapat membantu Bahagian Buku Teks dan penulis lain dalam menyediakan buku teks yang lebih sesuai dan menarik. Buku panduan Ujian PAFA ini boleh dipersembahkan dengan visual yang menarik lagi seperti dilengkapi gambar-gambar dan gambarrajah yang boleh menarik minat pelajar.

## 3. Guru-guru.

Kajian ini juga dapat membantu guru-guru dalam menyediakan program pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Hasil kajian ini dapat menambahkan maklumat sebenar dalam pelaksanaan ujian PAFA dan seterusnya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Agama Islam. Ini kerana PAFA yang dianggap sebagai penilaian kemajuan berasaskan sekolah mementingkan peranan guru itu sendiri untuk menilai muridnya. Maklum balas yang didapati hasil daripada penilaian tersebut sepatutnya digunakan untuk mengesan kelemahan dan kekuatan murid dan mengambil tindakan yang bersesuaian dengan keperluan murid tersebut.

## **1.6 Batasan Kajian**

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 60 orang pelajar Islam Tingkatan Empat. Pemilihan pelajar ini dianggap sesuai sebagai sampel kerana mereka bukan berada di

dalam kelas peperiksaan. Pelajar ini telah mengambil peperiksaan PMR pada tahun sebelumnya.

Aspek persepsi yang dikaji pula tertumpu kepada dua iaitu tanggapan pelajar tentang Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dan perasaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan pula adalah berdasarkan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah ( PMR ).

## **1.7 Definisi Istilah**

### **1.7.1 Keberkesanan**

Keberkesanan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perubahan tingkahlaku atau sikap pelajar setelah menjalani Ujian Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ).

### **1.7.2 Penilaian**

Penilaian di sekolah selalu diistihlakan sebagai peperiksaan. Ini kerana peperiksaan merupakan satu jenis penilaian pencapaian dalam pendidikan. Murid-murid mendapat kebolehan mereka dilihat melalui peperiksaan. Pihak sekolah pula percaya bahawa peperiksaan dapat menilai kualiti pencapaian murid-murid ( Nuttall , 1986 ).

Pengajaran tanpa penilaian dalam bilik darjah adalah kurang bermakna. Ini kerana tanpa penilaian, guru tidak dapat mengetahui sama ada objektif pengajaran-pembelajaran telah tercapai atau belum ( Tan Hui Leng dan Ee Ah Meng , 1996 ). Oleh itu penilaian adalah penting untuk menguji ingatan dan kefahaman pelajar tentang pelajaran yang telah diajarkan. Penilaian yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ujian yang dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam terhadap pelajar untuk menentukan kefahaman dan amalan pelajar terhadap fardu ain. Penilaian ini dilakukan melalui dua cara iaitu secara lisan dan secara amalan. Penilaian ini juga dijalankan secara '*criterion*' dengan menggunakan borang prestasi individu yang telah ditetapkan. Penilaian ini juga dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **1. 7. 3 Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA )**

Maksud Perkara Asas Fardu Ain ialah beberapa perkara yang terpenting dari fardu ain yang terkandung dalam sukanan pelajaran Pendidikan Islam yang hendak dipastikan supaya tiap-tiap pelajar benar-benar mengetahui, memahami dan boleh mengamalkan dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak ( Bahagian Pendidikan Islam , 1994 ).

Di dalam Islam, ilmu terbahagi kepada dua iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu ain ialah yang wajib dipelajari, diketahui serta diamalkan oleh setiap orang yang mengaku beragama Islam. Apabila seseorang itu mengamalkan ilmu fardu ain maka dengan sendirinya ia akan berakh�ak mulia ( Abd Raof, 1986 ).

#### **1.7.4 Mata Pelajaran Pendidikan Islam**

Mohamad ( 1980 ) menyatakan tujuan utama Pendidikan Islam ialah menjadi Rasul Allah sebagai matlamat yang perlu dicontohi dalam semua hal. Pendidikan untuk melahirkan manusia yang mempunyai identiti sendiri mengikut ajaran Islam, berani mempertahankan kebenaran dan hak berjuang tidak semata-mata untuk kepentingan diri. Pendidikan Islam pada keseluruhannya penuh dengan tujuan akhlak yang dimulai dengan pembersihan jiwa melalui akidah, ibadat dan kehidupan mengikut aturan syariat atau undang-undang agama.

Pendidikan agama di sekolah bantuan kerajaan bertujuan untuk melengkapkan anggota masyarakat dengan asas ajaran Islam sebagai panduan hidup supaya dapat membantu masyarakat yang adil, bertimbang rasa serta berdedikasi.

Dalam kajian ini, Pendidikan Islam yang dimaksudkan ialah mata pelajaran yang telah dipelajari oleh pelajar di peringkat menengah rendah. Fungsi pelajaran agama di peringkat rendah ialah untuk membentuk peribadi dan pembinaan sahsiah. Ini diteruskan lagi di peringkat menengah. Ini kerana Pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah merupakan kesinambungan daripada program pendidikan Islam di peringkat KBSR. Pendidikan Islam KBSM memberikan penekanan yang sepenuhnya kepada kebolehan membaca dan memahami ayat-ayat al-Quran, pengukuhan aqidah Islam, ibadat dan cara hidup Islam. Pembelajaran di peringkat ini lebih ditumpukan kepada

penghayatan dan amalan Islam disamping kefahaman terhadap ajaran Islam keseluruhannya.